

## Bekalan makanan di B'fort cukup

Published on: Wednesday, April 01, 2020

By: Ahmad Apong



**PENGUATKUASA KPDNHEP memeriksa stok barangan.**

**BEAUFORT:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyeru orang ramai agar tidak risau mengenai bekalan makanan kerana bekalan mencukupi.

Ketua Cawangan KPDNHEP Beaufort, Fikri Lai Abdullah berkata demikian pada Selasa, memberi jaminan bahawa bekalan makanan di daerah ini mencukupi.

“Pegawai penguatkuasa telah menjalankan pemeriksaan di hampir kesemua kedai di Beaufort, Sipitang, Kuala Penyu, Menumbok dan Membakut sepanjang PKP,” katanya.

KPDHHEP bukan saja melakukan pemeriksaan terhadap harga barang dan alat timbang sukat tetapi juga memasuki stor pasaraya dan kedai-kedai untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi.



• "Terdapat pembelian secara luar biasa sekalipun tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan sehingga 14 April, dan semua pasaraya mampu menampung pembelian daripada orang ramai.

"Hanya topeng muka dan cecair pembasmi kuman saja didapati kehabisan stok di setiap farmasi dan masih menunggu bekalan daripada pembekal," katanya.

KPDNHEP juga memeriksa pasar untuk memastikan bekalan ayam, daging, ikan serta sayur-sayuran cukup di samping menasihatkan peniaga agar meletakkan tanda harga dan menggunakan timbang sukat yang sah. "Sekiranya ada berlaku kenaikan harga mendadak atau bekalan disorok, orang ramai boleh membuat aduan kepada KPDNHEP dengan segera dengan memanggil talian 017-8652665.

"Sila berikan nama premis dan alamat peniaga terbabit dan pegawai KPDNHEP akan segera bertindak menyasat dakwaan itu," katanya, menambah butiran pemanggil akan dirahsiakan.

<http://www.dailyexpress.com.my/news/149975/bekalan-makanan-di-b-fort-cukup/>

